

04/04/2003

Orang ramai dinasihat jangan guna ubat tradisional

KUALA LUMPUR: Orang ramai dinasihatkan supaya tidak menggunakan ubat tradisional yang didakwa boleh menyembuhkan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

Presiden Majlis Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr N Athimulam, berkata setakat ini belum ada bukti atau kajian yang dilakukan terhadap ubat tradisional dalam mengubati SARS.

"Orang ramai perlu membuat pemeriksaan di hospital jika terdapat tanda-tanda awal SARS," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau tidak menentang penggunaan ubat tradisional jika ia terbukti berkesan menyembuhkan penyakit.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pengamal perubatan tradisional dikesan tidak mematuhi Akta 290 Pengiklanan Ubat dan Jualan 1956 dengan menyiarkan iklan yang boleh mengelirukan orang ramai, terutama golongan berpendapatan rendah.

Selain itu pengamal perubatan tradisional menggelarkan diri mereka 'dokter' dan menggunakan peralatan doktor perubatan seperti stetoskop, optalmoskop dan alatan menguji tekanan darah (BP).

Oleh itu, MMA menggesa Kementerian Kesihatan mempercepatkan pendaftaran pengamal perubatan tradisional supaya mereka terikat dengan peraturan dan akta serta boleh dihukum jika melakukan kesalahan.

Dr Athimulam berkata, Akta 290 melarang pengamal perubatan mengiklankan ubat 20 jenis penyakit, antaranya kencing manis, asma, kanser, kemandulan dan ketagihan dadah.

Beliau berkata, MMA dan Kementerian Kesihatan beberapa kali mengingatkan perkara itu, namun iklan mengenai ubat tertentu masih disiarkan di radio milik kerajaan dan swasta.

"Ada iklan ubat tradisional dikatakan boleh menurunkan tahap gula dalam darah dan ini melanggar Akta 290.

"Bahasa yang digunakan juga agak kurang sopan terutama untuk mempromosikan tonik herba lelaki dan wanita," katanya.

Beliau berkata, akta itu turut melarang kanak-kanak digunakan dalam iklan untuk mempromosikan pil dan jus herba yang didakwa boleh meningkatkan daya ingatan dan pertumbuhan otak.

Selain itu, kata Dr Athimulam, akta itu secara tegas melarang nama, alamat dan nombor telefon pengamal perubatan disiarkan di media.

Pengamal perubatan tradisional dan doktor palsu dari luar juga tidak dibenarkan bercakap mengenai 20 penyakit berkenaan dan ubat yang digunakan mereka di radio atau televisyen.

Begitu juga dengan promosi jualan langsung alatan perubatan yang didakwa boleh mengubati penyakit, tidak boleh disiarkan di media elektronik atau cetak.

"MMA sentiasa mengawasi iklan yang dikeluarkan dan akan menghantar laporan kepada Kementerian Kesihatan untuk mengambil tindakan tegas," katanya.

Katanya, jika maklumat palsu dalam iklan perubatan tradisional dikesan, pihaknya akan melaporkan perkara itu kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Sementara itu, beliau berkata, MMA akan mengadakan mesyuarat agung ke-43 di Hotel Marriot Putrajaya pada 21 hingga 25 Mei ini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.